

Headline **Floria Putrajaya kini bertaraf dunia**  
Date **10 Jul 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **10**  
Article Size **405 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,005**  
PRValue **24,014**



► **SEMPENA PERASMIAN FLORIA 2010 OLEH PERDANA MENTERI HARI INI**

# Floria Putrajaya kini bertaraf dunia

**ROHANI IBRAHIM**

PENGANJURAN Festival Bunga dan Taman Putrajaya, Floria 2010 masuk kali ketiga tahun ini. Kali pertama ia diadakan pada 2007 sesuai dengan imej Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman dan Bandar Berbunga.

Penganjuran kali pertama Floria yang ketika itu diperkenalkan sebagai acara dwitahunan berjaya menarik lebih 350,000 pengunjung. Acara Floria kali kedua pula berlangsung pada tahun lalu. Floria 2009 pula berjaya menarik lebih 500,000 pengunjung.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman berkata, sambutan hangat Floria 2009 mendorong kerajaan untuk menjadikan acara ini sebagai acara tahunan.

"Floria Putrajaya kini setanding dengan festival pameran bunga yang terkemuka di dunia seperti Chelsea Flower Show, London; Melbourne International Flower and Garden Show dan Canberra Flower Show di Australia dan Festival Bunga Chiang Mai di Thailand.

"Kelainan Floria Putrajaya berbanding dengan festival bunga Chelsea dan Australia ialah Malaysia kaya dengan bunga-bunga dan tumbuhan tropika yang eksotik berbanding dengan bunga dan tumbuhan di negara bersuhu sejuk.

"Oleh itu, Keindahan Tropika dipilih sebagai tema Floria 2010 kali ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Floria 2010 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut dijadual melawat gerai-gerai pameran.

Tambah Samsudin, bunga tema bagi penganjuran Floria pada tahun ini adalah *Heliconia* atau bunga sepit udang.

"Kebanyakan masyarakat Malaysia hanya mengenali bunga sepit udang yang berwarna kuning. Mungkin tidak ramai mengetahui bahawa bunga ini mempunyai lebih daripada 100 spesies yang terdiri daripada pelbagai warna di Malaysia. Kesemua spesies

bunga sepit udang akan dipamerkan dalam pelbagai gubahan dan gaya pada Floria 2010 ini," jelasnya.

Kata Samsudin, rakyat Malaysia mempunyai minat yang tinggi terhadap pelbagai jenis bunga dan tumbuhan sekali gus mendorong mereka menguasai kemahiran menghias halaman dan taman serta reka bentuk landskap.

"Floria merupakan platform kepada peminat pokok bunga untuk mendapatkan

spesies bunga dan tumbuhan yang mereka gemar dan unik untuk ditanam di halaman masing-masing. Pada dua penganjuran Floria sebelum ini, jenis bunga yang mencatatkan jualan paling laris adalah orkid.

"Acara berkenaan turut menjana pendapatan mereka yang terlibat dalam industri landskap, hortikultur dan perkebunan dari seluruh negara. Melalui Floria, mereka dapat berkongsi pengalaman dan meluaskan perniagaan," katanya.

Samsudin menambah, pereka landskap dan taman tempatan juga dapat menunjukkan kemahiran menghias taman melalui penganjuran ini. Kali ini, ia melibatkan lebih 100 pereka landskap tempatan.

Jumlah ruang pameran dan gerai jualan yang diterima bagi acara Floria pada kali ini adalah 50 peratus lebih tinggi daripada jumlah ruang dan gerai pada tahun lalu. Oleh itu, penganjuran kali ini diharapkan dapat menarik lebih ramai pengunjung berbanding acara sebelumnya.

"Antara organisasi yang mengambil bahagian pada Floria kali ini ialah Taman Botani Pulau Pinang, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Landskap Johor.

"Para pengunjung boleh melawat sejumlah 15 gerai orkid, empat gerai bunga sepit udang, empat gerai bonsai dan sembilan gerai herba. Gerai-gerai lain adalah gerai menjual baja dan peralatan berkebun," jelasnya.

Aktiviti lain yang akan berlangsung sempena Floria ialah persembahan seni seperti ghazal serta tarian zapin, bengkel bunga dan pertandingan gubahan bunga.

Sementara itu, tarikan pada Floria 2010 adalah permaidani bunga gergasi, arca logo 1Malaysia yang dihasilkan daripada bunga, Twillight Garden iaitu taman bunga yang menggunakan lampu dan kesan air serta pelbagai gubahan bunga oleh 10 pereka antarabangsa.

Jelas Samsudin, beliau berharap orang ramai akan berkunjung ke Floria kali ini bagi menyokong acara tersebut supaya Putrajaya terus menjadi salah satu destinasi pameran bunga yang terkenal di dunia.

Floria 2010 akan berlangsung di Pesisiran Tasik, Presint Dua, Putrajaya dari pukul 9 pagi hingga 10 malam (Isnin-Khamis) dan 9 pagi hingga 12 tengah malam (Jumaat-Ahad), mulai 10 hingga 18 Julai 2010. Masuk adalah percuma.

Headline **Floria Putrajaya kini bertaraf dunia**  
Date **10 Jul 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **10**  
Article Size **405 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,005**  
PRValue **24,014**



**CIKGU Norliza Wagiyu bersama murid Sekolah Kebangsaan Putrajaya P16 (1) giat menyiapkan replika bunga untuk acara *Floral Arts Competition* bertemakan 'Murid Sukan' sempena Floria 2010 di Waterfront Presint 2, Putrajaya.**